



**MEMORANDUM
MENGENAI KRISIS
TERBARU
YANG MELIBATKAN
BADAN KEHAKIMAN**

MAJLIS PEGUAM MALAYSIA

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Datuk Seri

Krisis terbaru yang melibatkan Badan Kehakiman

Klip video yang menayangkan seorang peguam yang dikatakan sedang dalam satu perbincangan yang agak lama dengan seorang hakim kanan menimbulkan banyak pertanyaan membimbangkan yang membawa kesan yang amat serius dan luas. Isu-isu dan akibat-akibat yang berbangkit dari klip video tersebut melanda teras pentadbiran keadilan dan kedaulatan undang-undang di negara ini.

Salah satu ciri-ciri asas kedaulatan undang-undang adalah Badan Kehakiman yang bebas dan tidak berat sebelah. Doktrin pemisahan kuasa yang menetapkan dan memastikan kebebasan kehakiman termaktub dalam Perlembagaan. Perlembagaan adalah undang-undang negara yang tertinggi yang menjamin keadilan dan kebebasan asas kepada setiap rakyat. Pemisahan kuasa memberi semakan dan imbalan yang mustahak di dalam sistem. Sebarang tanda atau bayangan bahawa Badan Kehakiman tidak bebas atau berat sebelah, akan menghakiskan kepercayaan orang awam terhadap pentadbiran keadilan.

Sejak tahun 1988, perasaan semakin berkencang bahawa keadaan dalam Badan Kehakiman tidak begitu memuaskan. Kami telah melalui krisis demi krisis yang melibatkan Badan Kehakiman. Pendedahan terkini yang berhubung dengan seorang peguam yang nampaknya sedang merundingkan perlantikan dan kenaikan pangkat para hakim membawa kekemuncaknya satu perkara yang sejak bertahun lagi telah mendidih. Ini melanda teras Badan Kehakiman. Ini, kami percaya, akan menjadi suatu perkara yang kerap berlaku selagi teras Badan Kehakiman tidak diperkuatkan dan proses pembaharuan kehakiman tidak dimulakan.

Kejadian-kejadian ini memberi kesan bukan sahaja dalam konteks tempatan malah juga di arena antarabangsa yang lebih luas. Sistem perundangan yang cekap, boleh dipercayai, bebas dan adil adalah satu pertimbangan utama pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia. Individu-individu dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam perniagaan dan pelaburan antarabangsa mesti rasa yakin bahawa kontrak-kontrak di Malaysia akan dipatuhi dan sebarang pertikaian, jika dibawa ke mahkamah akan diputuskan secara adil dan saksama, dengan penglibatan kos dan masa yang munasabah. Proses kehakiman perlu menggalakkan keyakinan. Hanya sistem keadilan yang bebas, tidak berat sebelah dan berkembang dengan baik mampu mencapai ini.

Penghakisan keyakinan terhadap Badan Kehakiman kami perlu dihapuskan. Kebebasan Badan Kehakiman perlu dibina semula dan diperkuatkan melalui pembaharuan kehakiman termasuk pemastian suatu mekanisme yang terbuka dan adil bagi perlantikan dan kenaikan pangkat para hakim yang berdasarkan merit dan kriteria lain yang diterima-pakai di seluruh dunia.

Infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang terbaik tidak akan berguna sekiranya tidak wujudnya Badan Kehakiman yang bebas, tidak berat sebelah dan berkebolehan. Proses perlantikan dan kenaikan pangkat bukan sahaja perlu bebas tetapi perlu disaksikan sebagai bebas daripada pengaruh berat sebelah. Tidak seharusnya berlaku campur tangan yang tidak wajar ataupun tidak berasas dalam hal perlantikan dan kenaikan pangkat para hakim. Perlantikan dan kenaikan pangkat para hakim tidak boleh berdasarkan atas kesetiaan kepada Kerajaan atau mana-mana individu mahupun kumpulan.


Untuk mengembalikan keyakinan pihak awam kepada Badan Kehakiman, sebuah Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman patut ditubuhkan dengan segera, yang terdiri daripada orang-orang yang mempunyai integriti dan kehormatan yang sempurna, dan juga dipercayai oleh rakyat Malaysia. Majlis Peguam, secara konsisten dan bersungguh-sungguh telah memajukan penubuhan Suruhanjaya tersebut. Sistem yang seumpama ini, jika ditubuhkan, mestilah sesuatu yang komprehensif dan dipertimbangkan dari semua aspek. Sistem tersebut mesti bersifat perunding, telus

dan bertanggungjawab supaya orang awam dapat memahami dan menghargai proses ini.

Kembali semula kepada isu klip video tersebut, sekiranya perbualan yang ditayangkan di dalam klip tersebut memang telah berlaku, ia membangkitkan perasaan yang agak membimbangkan bahawa proses pemilihan dan kenaikan pangkat para hakim telah sesungguhnya tercemar, dan menjejaskan pentadbiran keadilan dan kedaulatan undang-undang. Beberapa pertanyaan juga mungkin timbul mengenai keputusan kes-kes yang diadili hakim-hakim berkenaan. Kesan-kesan daripada keadaan ini pasti menjadi asas kebimbangan, dan langkah-langkah segera perlu diambil. Sebaliknya, jika video tersebut didapati tidak berasas, pihak-pihak berkenaan perlu dibersihkan nama mereka dengan cepat untuk kebaikan Badan Kehakiman.

Panel bebas yang dilantik semalam adalah langkah yang menggalakkan dan positif yang pertama tetapi kami ada keberatan sama ada terma-terma rujukan cukup luas dan sama ada panel tersebut mempunyai kuasa yang perlu untuk memaksa pengemukaan bukti. Kami dengan segala hormatnya ingin menggesa Kerajaan agar memulakan penubuhan Suruhanjaya Penyiasatan mengikut Akta Penyiasatan Pesuruhanjaya 1950 bertujuan menyiasat klip video tersebut khususnya serta keadaan Badan Kehakiman pada amnya. Suruhanjaya sedemikian akan mempunyai kuasa-kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan yang penuh, termasuk memaksa pengemukaan bukti.

Dengan ikhlasnya kami menggesa YAB Datuk Seri supaya, dan berharap YAB Datuk Seri akan, mengambil langkah-langkah yang tersebut.



Ambiga Sreenevasan

Presiden

Badan Peguam Malaysia

26 September 2007

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Prime Minister of Malaysia

Yang Amat Berhormat Datuk Seri

Latest Crisis in the Judiciary

The video clip showing a lawyer allegedly in a lengthy discussion with a senior judge raises many troubling questions that have very serious and far reaching implications. The issues and consequences arising from the video clip strike at the heart of the administration of justice and the rule of law in this country.

One of the fundamental characteristics of the rule of law is an independent, impartial Judiciary. The doctrine of the separation of powers that dictates and ensures the independence of the Judiciary is enshrined in the Constitution. The Constitution is the nation's supreme law that guarantees justice and fundamental liberties to every citizen. The separation of powers provides essential checks and balances in the system. Any indication or suggestion that the Judiciary is neither independent nor impartial, will diminish public confidence in the administration of justice.

Since 1988, there has been a growing feeling that all is not well with the Judiciary. We have been through crisis after crisis where the Judiciary is concerned. This recent expose of a lawyer apparently brokering the appointment and promotion of judges therefore brings to boil what has been simmering for many years. It strikes at the heart of the Judiciary. This, we believe, will become a frequent phenomenon if the very foundation of the Judiciary is not set right and strengthened, and if the process of Judicial reform does not commence.

These events have significance not only in a localised context, but also in the wider international arena. A legal system which is efficient, reliable, independent and fair is a major consideration for foreign investors to invest in Malaysia. Individuals and companies involved in international trade and investment must feel assured that contracts in Malaysia will be honoured, and disputes if brought before the courts will be adjudicated in a fair and impartial manner, at a reasonable cost and with reasonable speed. The judicial process should inspire confidence. Only an impartial, independent and well-developed judicial system may achieve this.

The decline in confidence in our Judiciary must be arrested. The independence of our Judiciary must be rebuilt and strengthened through judicial reform, which includes ensuring a transparent and fair mechanism for the appointment and promotion of judges based on merit and other universally acceptable criteria.


The best infrastructure and facilities would be of little use when there is no independent, impartial and competent Judiciary. The appointment and promotion process must not only be free from, but must be seen to be free from, partisan influences. There cannot be any inappropriate or unwarranted interference with the appointment and promotion of judges. Appointments and promotions cannot be based on loyalty to the Government, or to any individual or group.

To restore public confidence in the Judiciary, a Judicial Appointments Commission should be promptly established, comprising persons of impeccable integrity and respectability, and in whom the Malaysian public has trust. The Bar Council has consistently and tirelessly advocated the setting up of such a Commission. Any such system that is put in place must of course be one that is comprehensive and well thought-out. Such a system must be consultative, transparent and accountable; so that the public will be able to understand and appreciate the process.

Coming back to the video clip, if the conversation shown in the clip did take place, it gives rise to grave concerns that the process of the selection and promotion of judges is badly tainted, thus jeopardising the administration of justice and the rule of law. Many questions may also arise as to the outcome of cases that have been heard by the Judges concerned. The ramifications of such a situation are naturally a cause for concern, and immediate steps must be taken. On the other hand, if the video is not genuine, then the parties concerned must be quickly vindicated in the interests of the Judiciary.

The independent panel appointed yesterday is a welcome and positive first step but we have concerns whether their terms of reference are wide enough and whether they will have the necessary powers to compel the production of evidence. We respectfully urge the Government to initiate the establishment of a Commission of Inquiry pursuant to the Commissions of Enquiry Act 1950 into the video clip in particular, and into the state of the Judiciary in general. Such a Commission would have the powers necessary to compel the production of evidence.

We sincerely urge YAB Datuk Seri to, and earnestly hope that YAB Datuk Seri will, take the aforesaid measures.



Ambiga Sreenevasan

President

Malaysian Bar

26 September 2007